

29/07/1997

Kementerian nafi benar kutipan RM3

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Pendidikan hari ini menafikan dengan tegas dakwaan bahawa ia membenarkan kutipan RM3 daripada setiap pelajar untuk kempen belajar cemerlang.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Dr Johari Mat, berkata tiada sebarang persetujuan dikeluarkan kepada Sekretariat Belajar Cemerlang Kebangsaan, Jemaah Pengelola Majlis Bersama Dana Korporat Akademi Malaysia atau Jawatankuasa Aliran Bakti dan Direktori PIBG Malaysia, untuk mengadakan kutipan itu.

"Kementerian juga tidak mengetahui adanya majlis penyampaian Geran Kewangan Sokongan Korporat kepada semua PIBG sekolah rendah dan menengah di seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau menasihatkan orang ramai, terutamanya ibu bapa, pelajar, badan korporat dan semua pihak berkenaan supaya tidak terpengaruh dengan syarikat yang membuat sebarang pungutan wang daripada pelajar tanpa kebenaran Kementerian.

Johari berkata, hal itu sudah pun diserahkan kepada polis untuk siasatan selanjutnya.

Sementara itu, lebih 200 wakil PIBG dari seluruh negara yang dijemput menerima geran kewangan berjumlah RM15,000 sempena Majlis Perdana Korporat - PIBG Malaysia di PWTC hari ini, hampa apabila majlis itu tidak wujud.

Mereka yang menjadi pengerusi, bendahari, setiausaha dan ahli jawatankuasa PIBG, berkumpul di PWTC sejak pagi untuk menerima geran kewangan tahunan bagi tempoh 1997 dan 1998 anjuran Jawatankuasa Pengelola Dana Korporat Yayasan Awamal Urusetia Aliran Bakti Malaysia.

Mengikut acara yang mereka terima, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikannya pada jam 9 pagi, manakala menteri besar, ketua menteri akan menyampaikan geran kewangan kepada wakil PIBG mengikut negeri masing-masing.

Bagaimanapun, selepas disahkan pihak keselamatan PWTC bahawa majlis itu tiada dalam acara harian, wakil PIBG bersurai dan tiada kejadian tidak diingini dilaporkan berlaku.

Berdasarkan surat jemputan bertarikh 7 Mei lalu, PIBG yang dijemput terpilih daripada 1,228 PIBG di seluruh negara dan akan menerima geran kewangan bagi program tahunan sekolah masing-masing.

Mengikut surat jemputan ditandatangani Pengarah Yayasan Awamal, Shaikh Hussin Shaikh Mahamud, penganjur tidak perlu mendapatkan kerjasama Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengadakan majlis itu bagi menghindarkan karenah birokrasi.

Sementara itu, Presiden Jawatankuasa Sementara PIBG Kebangsaan, Prof Madya Mohd Ali Hassan, ketika dihubungi berkata pihaknya tidak menerima jemputan menghadiri majlis berkenaan.

Malah, katanya, yayasan berkenaan tidak pernah menghubungi pihaknya untuk menganjurkan majlis itu.

(END)